Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat Kebangsaan Malaysia (MAKPEM)

National Council of Welfare and Social Development Malaysia



# Laporan Tahunan 2005

## KANDUNGAN


| No. | Perkara | Muka Surat |
|---|---|---|
| 1. | Perutusan Menteri | |
| 2. | Kata-Kata Aluan | |
| 3. | Latar Belakang | 1 |
| 4. | Wawasan, Misi, Matlamat | 2 |
| 5. | Carta Pegawai-Pegawai Majlis | 3 |
| 6. | Carta Organisasi | 4 |
| 7. | Ahli-Ahli Pertubuhan Gabungan | 5 |
| 8. | Ahli Kehormat | 5 |
| 9. | Ahli Atas Jawatan | 5 |
| 10. | Juru Audit | 5 |
| 11. | Mesyuarat Majlis Kerja | 6-7 |
| 12. | Perhimpunan Agung Tahunan | 8 |
| 13. | Laporan Jawatankuasa Kecil-Jawatankuasa Kecil | |
| | a) Pengurusan | 9-16 |
| | b) Perhubungan Antarabangsa | 17-21 |
| | c) Latihan | 22-25 |
| | d) Pembangunan Komuniti dan Kemasyarakatan | 26-28 |
| | e) Perlembagaan dan Perundangan | 29 |
| | f) Hal Ehwal Keahlian | 30 |
| | g) Perhubungan Awam | 31-32 |
| | h) Penyelidikan dan Pembangunan | 33 |
| | i) Pembangunan | 34 |
| 14. | Perhubungan Dengan Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat | 35 |
| 15. | Perancangan Masa Hadapan | 35 |
| 16. | Geran Tahunan / Sumbangan / Derma | 36 |
| 17. | Senarai Kakitangan Urusetia Tahun 2005 | 36 |
| 18. | Penghargaan | 36 |
| Lampiran 'A' Senarai Pegawai-Pegawai Majlis dan Ahli-Ahli Pertubuhan Gabungan | | 37 - 47 |

# PERUTUSAN MENTERI

**Y.B. DATO' SRI SHAHRIZAT BINTI ABDUL JALIL**
*Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Malaysia*



## *Sekapur Sirih*

Assalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, dan Salam Sejahtera.

Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana telah diberi peluang untuk memberi sepatah dua kata dalam Laporan Tahunan 2005 Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat Kebangsaan Malaysia (MAKPEM). Majlis ini telah berusaha bersungguh-sungguh untuk mengadakan satu program latihan yang melibatkan pelbagai golongan kakitangan dan sukarelawan pada tahun lalu. Latihan yang dijalankan oleh MAKPEM adalah selaras dengan objektifnya untuk membantu meninggikan mutu kerja ahli-ahlinya bagi mencapai perkhidmatan yang berkualiti.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada MAKPEM yang telah berjaya menganjurklan satu Simposium Kebangsaan bertemakan 'Kebajikan dan Pembangunan Sosial di Malaysia : Isu dan Cabaran' pada 12 Disember, 2005. Saya difahamkan seramai 286 orang peserta yang terdiri daripada ahli-ahli gabungan, pertubuhan-pertubuhan kebajikan sukarela yang lain dan juga daripada Institusi-institusi Pengajian Tinggi telah menyertainya. Adalah diharapkan agar segala rumusan yang telah dibuat hasil perbincangan Simposium tersebut dapat membantu MAKPEM merancang dan memantapkan lagi program-program yang telah dijalankan bagi meningkatkan lagi keupayaan pertubuhan sukarela.

Adalah menjadi harapan saya agar MAKPEM dan ahli-ahli gabungannya di peringkat Kebangsan, Negeri dan akar umbi akan terus berusaha bagi membantu golongan kurang bernasib baik dan memberi sokongan, kerjasama dan penglibatan secara aktif dalam pelaksanaan dasar dan program yang dianjurkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

**DATO' SRI SHAHRIZAT BINTI ABDUL JALIL**

# LATAR BELAKANG

## MAJLIS KEBAJIKAN DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT KEBANGSAAN MALAYSIA

Seiringan dengan penubuhan Jabatan Kebajikan Masyarakat pada tahun 1946 sebuah Pertubuhan Kebajikan Sukarela peringkat nasional "Central Welfare Council' telah diwujudkan di Negara ini. Ianya merupakan 'forerunner' kepada Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat Kebangsaan Malaysia. Tujuannya ketika itu ialah untuk membantu mereka yang memerlukan bantuan akibat bencana Perang Dunia Kedua dan lain-lain mangsa masalah sosial, disamping bertindak sebagai Penyelaras kepada pertubuhan-pertubuhan kebajikan lain.

Sejak tarikh tersebut terdapat berbagai badan sukarela telah ditubuhkan untuk memberi perkhidmatan kepada kumpulan sasaran masing-masing. Berikutan dengan penubuhan Malaysia, pihak Kementerian Kebajikan Masyarakat telah mengambil inisiatif bagi mewujudkan sebuah badan penyelaras di peringkat kebangsaan bagi pertubuhan sukarela kebajikan. Tujuannya bukan sahaja untuk membawa mereka dibawah satu payung, tetapi juga menguatkan lagi kedudukan mereka di arena antarabangsa di dalam bidang kebajikan dan pembangunan sosial. Selain dari itu, badan ini juga menjadi penghubung kepada pertubuhan-pertubuhan peringkat antarabangsa menerusi keahliannya di peringkat global.

Sejarah pertubuhannya bermula apabila Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menjemput wakil-wakil dari Majlis Kebajikan Masyarakat Singapura, Sabah dan Sarawak ke satu mesyuarat khas pada 30hb Jun, 1965 untuk membincangkan penubuhan satu badan bercorak kebangsaan. Hasil dari mesyuarat tersebut satu Deraf Perlembagaan telah digubal dan kemudiannya telah disahkan oleh Majlis Kebajikan Masyarakat masing-masing.

Penubuhan Majlis Kebajikan Masyarakat Kebangsaan Malaysia (MKMKM) pada mulanya telah ditetapkan pada bulan Ogos 1965 akan tetapi disebabkan perpisahan Singapura dari Malaysia, penubuhannya telah ditangguhkan. Selepas pindaan dibuat di dalam Deraf Perlembagaan dengan mengeluarkan perkara 'Singapura', MKMKM telah dilancarkan dengan rasminya pada 3hb Februari 1966 dengan YB Menteri Kebajikan Masyarakat sebagai Yang Di Pertua. Sejak dari itu, Menteri yang bertanggungjawab bagi kebajikan masyarakat telah memimpin Majlis ini sebagai Yang Di Pertua.

Pada bulan Ogos 1998 Majlis Kebajikan Masyarakat Kebangsaan ini kemudiannya telah ditukar nama sebagai Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat Kebangsaan Malaysia (MAKPEM) atau "National Council of Welfare and Social Development Malaysia (NCWSDM)" untuk memperluaskan lagi peranan dan keahliannya.

# KATA-KATA ALUAN DARIPADA PENGERUSI

**Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat Kebangsaan Malaysia ( MAKPEM )**



Assalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
dan Salam Sejahtera.

Saya bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurniaNya dapat sekali lagi Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat Kebangsan Malaysia (MAKPEM) menerbitkan Laporan Tahunan 2005 yang memaparkan pelbagai program dan aktiviti yang telah dijalankan sepanjang tahun tersebut.

Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan juga Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia yang telah memberi sokongan kewangan dan nasihat bagi membolehkan pihak MAKPEM meneruskan program dan aktiviti latihan serta kemasyarakatan untuk memberi manfaat kepada ahli-ahli pertubuhan gabungan serta orang ramai.

Tahun 2005 merupakan satu tahun yang sangat produktif bagi MAKPEM, kerana selain daripada menjalankan kursus-kursus yang bertujuan meningkatkan keupayaan pertubuhan-pertubuhan sukarela, mengurus dan mengendalikan pertubuhan masing-masing, MAKPEM juga telah menjalinkan kerjasama dengan Universiti Kolej Help untuk menjalankan kajian keperluan penduduk-penduduk di Bandar Baru Sentul, kerjasama dengan Universiti Teknologi Mara (UiTM) mengadakan Seminar Pelaporan Kewangan bagi pertubuhan kebajikan sukarela dan juga berjaya menganjurkan Simposium Kebangsaan yang telah diadakan di Hotel Singgahsana, Petaling Jaya pada 12 Disember, 2005. Insya Allah segala rumusan Simposium tersebut akan dijadikan panduan bagi membantu MAKPEM merancang dan menambahbaikkan lagi program dan aktivitinya di masa depan.

Bagi menjayakan segala aspirasi dan rancangan Majlis ini pihak saya ingin memohon kerjasama dan penglibatan semua ahli pertubuhan gabungan di peringkat Kebangsaan dan Negeri supaya apa jua perancangan dan pelaksanaannya dapat dinikmati oleh semua pihak.

'Selamat Maju Jaya'



**YH. DATO' SETIA AMAR SEGARA**
**DATO' HAJI HALIM BIN HAJI IBRAHIM**

## WAWASAN

a. Mempertingkatkan pembangunan dan kesejahteraan rakyat Malaysia khususnya golongan yang kurang berkeupayaan serta individu, dan lain-lain anggota masyarakat, atau komuniti yang terlibat dengan gejala sosial yang berlaku dari semasa kesemasa.
b. Mewujudkan persekitaran yang harmoni dan penyayang supaya setiap individu hidup dalam keadaan sihat, produktif, berdikari dan bebas, selaras dengan hak dan tanggungjawab masing-masing.

## MISI

a. Menggembeling dan menggalakkan pertubuhan badan-badan sukarela di Malaysia untuk menangani isu-isu pembangunan sosial.
b. Mencapai kecemerlangan dalam kerja sosial menerusi dasar-dasar sosial, perancangan, pendidikan dan latihan yang koheran serta menyediakan perkhidmatan yang unggul.
c. Bekerja secara berkongsi dengan sektor awam, sektor swasta dan masyarakat umum.

## MATLAMAT

**Matlamat Majlis Kebangsaan ini adalah :**

a. Berfungsi sebagai badan induk kepada semua pertubuhan kebajikan dan pembangunan masyarakat yang telah menjadi ahli di negara ini dan menjadi wakil utama kepada badan-badan tersebut di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

b. Membantu dan melengkapi (complement) usaha-usaha kerajaan dalam bidang kebajikan dan pembangunan masyarakat dan mengemukakan pandangan terhadap isu-isu sosial semasa untuk kebaikan umum.

c. Bekerjasama dengan ahli-ahlinya untuk mempertingkat dan memperkukuhkan aktiviti-aktiviti kebajikan dan pembangunan masyarakat bagi menangani masalah-masalah sosial semasa di negara ini.

d. Membantu meninggikan mutu kerja ahli-ahlinya bagi mencapai perkhidmatan yang berkualiti.

e. Berusaha melaksana projek pembangunan masyarakat dan menjalankan penyelidikan mengenai keperluan kebajikan dan pembangunan masyarakat dan masalah yang timbul.

f. Menyediakan media yang tetap untuk pertukaran maklumat dan penyebaran maklumat di kalangan agensi kebajikan masyarakat.

g. Berusaha untuk mendapatkan sumber kewangan yang secukupnya samada melalui sumbangan atau derma bagi melaksanakan segala program dan aktiviti; dan menggalakkan serta menyokong ahli-ahli menganjur rancangan kutipan derma yang sah untuk membolehkan pergerakan yang lebih mantap. Segala kutipan derma dari orang awam perlu dengan kebenaran Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu.

h. Menganjur, melaksana apa-apa jua program dan aktiviti yang difikirkan sesuai dan manafaat untuk pembangunan Majlis Kebangsaan dan ahli-ahlinya.

i. Bergabung dengan badan-badan antarabangsa dan rantauan yang sah didaftar yang mempunyai matlamat yang sama.

## PEGAWAI-PEGAWAI MAJLIS
## PENGGAL 2004 - 2006

**YANG DI PERTUA**

**Y.B. Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil**
*(Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat)**

* Pindaan Perlembagaan telah dibuat dalam Perhimpunan Agung Tahunan 2004. Menunggu Kelulusan Pendaftar Pertubuhan Malaysia.

**PENGERUSI**

**YH. Dato' Setia Amar Segara Dato' Haji Halim bin Haji Ibrahim**
*(Majlis Kebajikan Masyarakat Negeri Pahang)*

**TIMBALAN PENGERUSI**

**Y. Bhg. Dato' Seri Mohamed Khalil bin Haji Hussein**
*(Persatuan Pesara Kerajaan Malaysia)*

**NAIB-NAIB PENGERUSI**

**(i) Y. Bhg. Dato' Haji Mokhtar bin Haji Ngah**
*(Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat Negeri Terengganu)*

**(ii) Y. Bhg. Dato' Ghazali bin Dato' Yusoff**
*(Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat Negeri Selangor)*

**(iii) Puan Hajah Khatijah binti Suleiman**
*(Majlis Kebangsaan Rumah-Rumah Cheshire, Malaysia)*

**(iv) Puan Joan Irene Yong**
*(Majlis Kebajikan Sosial Sarawak)*

**SETIAUSAHA AGUNG KEHORMAT**

**Tuan Haji Zainal Abidin bin Md. Alias**
*(Majlis Pemulihan Malaysia)*

**BENDAHARI AGUNG KEHORMAT**

**The Ven. Canon Samuel D. John**
*(Majlis Kebangsaan Bagi Orang Buta Malaysia)*

## CARTA ORGANISASI



## AHLI PERTUBUHAN GABUNGAN

Senarai nama pegawai-pegawai dan ahli-ahli pertubuhan gabungan MAKPEM setakat ini seperti di 'LAMPIRAN A'. Dalam tahun 2005, tiada pertubuhan baru yang telah diluluskan sebagai ahli gabungan.

## AHLI KEHORMAT

Setakat ini cuma seorang sahaja yang dilantik sebagai Ahli Kehormat Majlis. Beliau ialah :-

Y. BHG. TAN SRI DATUK PADUKA (DR.) HAJAH SALEHA BINTI HAJI MOHD ALI

## AHLI ATAS JAWATAN

Mengikut Perlembagaan Majlis Ahli Atas Jawatan ialah :-

KETUA PENGARAH KEBAJIKAN MASYARAKAT MALAYSIA

## JURU AUDIT

Juru Audit Majlis bagi tahun 2005 ialah :-

SYARIKAT AZMAN AHMAD & CO.

# MESYUARAT MAJLIS KERJA

Ahli-Ahli Majlis Kerja mengandungi :-

i) Pegawai-pegawai Majlis Kebangsaan;
ii) Seorang wakil daripada setiap Ahli Biasa;
iii) Seorang wakil daripada setiap Ahli Bersekutu ; dan
iv) Ahli Atas Jawatan.

Dalam tahun 2005, Majlis telah mengadakan dua (2) kali Mesyuarat Majlis Kerja iaitu pada 18hb. Mei, 2005, dan 8hb. September, 2005. Perkara-perkara penting yang diberi tumpuan di dalam mesyuarat-mesyuarat tersebut :-

i) Satu perjumpaan telah diadakan di antara Pegawai-pegawai Majlis dengan YB. Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Malaysia pada 21hb. Februari, 2005. Pegawai-pegawai Majlis diketuai oleh Pengerusi Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat Kebangsaan Malaysia (MAKPEM) iaitu YH. Dato' Setia Amar Segara Dato' Haji Halim bin Haji Ibrahim. Di antara perkara-perkara yang telah dibincangkan ialah mengenai cadangan Pindaan Perlembagaan, Hari Anugerah dan Penghargaan Terhadap Khidmat Sukarela, Persidangan ICSW di Kuala Lumpur, cadangan Persidangan Peringkat Kebangsaan, Latihan kepada Pertubuhan Sukarela Kebajikan, Perlantikan Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Kebajikan Negara, Peranan Majlis Kebajikan di peringkat Negeri, cadangan membangunkan tanah MAKPEM sebanyak 3 ekar di Bandar Baru Sentul dan perkongsian bijak pihak Universiti tempatan dalam bidang pendidikan kerja sosial dan penyelidikan. YB. Menteri sangat 'responsive' terhadap kesemua perkara yang telah dikemukakan kepada beliau dan seterusnya meminta Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia dan Institut Sosial Malaysia mengambil tindakan susulan di bawah bidang kuasa masing-masing bagi melaksanakan cadangan-cadangan yang berkaitan.

ii) Berikutan dengan satu mesyuarat yang telah diadakan di antara MAKPEM dengan pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia yang diikuti pula dengan Forum Konsultative yang telah diadakan di antara YB. Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Malaysia dengan pertubuhan-pertubuhan sukarela kebajikan pada 4hb. April, 2005, pihak MAKPEM telah mengemukakan kepada YB. Menteri satu cadangan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK – 9) yang mengandungi penyediaan infrastruktur-infrastuktur yang baru, menaikkan taraf institusi-institusi yang sedia ada, mengadakan program-program baru, serta menambahbaikkan program latihan kepada pertubuhan sukarela kebajikan. Anggaran perbelanjaan yang dipohon ialah sebanyak RM 66.446 juta.

iii) MAKPEM telah menandatangani satu MoU dengan HELP University College bagi tujuan mengendalikan projek printis pembangunan komuniti di Bandar Baru Sentul. Buat permulaannya satu kajian untuk menentukan keperluan penduduk akan dijalankan dengan kerjasama pihak Universiti.







iv) YB. Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Malaysia telah melantik YH. Dato' Setia Amar Segara Dato' Haji Halim bin Haji Ibrahim, Pengerusi MAKPEM dan Y. Bhg. Dato' Seri Mohamed Khalil bin Haji Hussein, Timbalan Pengerusi, MAKPEM sebagai Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Kebajikan Negara pada 16hb. Mac, 2005. Pihak Majlis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah di atas perlantikan tersebut.

v) Kedudukan kewangan MAKPEM bagi menjayakan Persidangan 31st ICSW International Conference 2004 di Kuala Lumpur adalah seperti berikut :-

| | | |
|---|---|---|
| Penerimaan | - | RM 1,473,446.87 |
| Pembayaran | - | RM 1,367,738.64 |
| Baki | - | RM 105,738.64 |



Sejumlah peruntukan kecil dari baki tersebut akan digunakan bagi percetakan laporan Persidangan.



vi) Pegawai Eksekutif MAKPEM, Tuan Haji Hitam bin Chik telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif mulai 1hb Mei, 2005.





# PERHIMPUNAN AGUNG TAHUNAN KE – 27

## DI INSTITUT LATIHAN MAJLIS KEBAJIKAN DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT KEBANGSAAN MALAYSIA (MAKPEM), BANDAR BARU SENTUL, KUALA LUMPUR PADA 18HB. SEPTEMBER, 2005

Pada 18hb. September, 2005 MAKPEM telah mengadakan Perhimpunan Agung Tahunan Ke – 27 bertempat di Institut Latihan MAKPEM pada tahun ini. Seramai 50 orang perwakilan termasuk 7 orang para pemerhati telah menghadirinya.

Perhimpunan Agung Tahunan ini telah dirasmikan oleh Y. Bhg. Dato' Hajah Shamsiah binti Abdul Rahman, Ketua Pengarah, Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia. Dalam ucapan aluannya beliau mengucapkan terima kasih kepada MAKPEM yang sudi menjemput beliau merasmikan Perhimpunan Agung Tahunan Kali Ke – 27 dan seterusnya melahirkan penghargaan di atas segala sokongan dan kerjasama yang telah diberikan oleh Majlis di dalam program-program kebajikan yang telah dijalankan oleh Jabatan dan seterusnya berharap agar kerjasama ini akan berterusan demi kepentingan golongan sasar yang kurang bernasib baik.

Dalam ucapan alu-aluannya YH. Dato' Setia Amar Segara Dato' Haji Halim bin Haji Ibrahim selaku Pengerusi MAKPEM telah mengucapkan terima kasih kepada Y. Bhg. Dato' Hajah Shamsiah binti Abdul Rahman, Ketua Pengarah, Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia di atas kesudiaan beliau untuk merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke – 27 ini dan juga berterima kasih beliau kepada para perwakilan yang dapat hadir pada perhimpunan kali ini.

YH. Dato' Setia Amar Segara Dato' Haji Halim juga dalam ucapannya memaklumkan bahawa pihak Majlis akan menganjurkan satu Seminar Kebangsaan bertajuk "Kebajikan dan Pembangunan Sosial di Malaysia : Isu dan Cabaran". Seminar ini dijangka akan diadakan pada 26hb November, 2005 di Kuala Lumpur dan ianya akan dirasmikan oleh YB. Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Malaysia.



Beliau juga memaklumkan kepada perwakilan bahawa huruf ringkas Majlis dengan 'acronym' MAKPEM telah dipersetujui oleh Jawatankuasa Pengurusan. MAKPEM telah dicadang oleh Y. Bhg. Dato' Seri Mohamed Khalil bin Haji Hussein dari Persatuan Pesara Kerajaan Malaysia. Selain dari MAKPEM terdapat cadangan-cadangan lain seperti MESTIKA, MEMBAJISYABASIA, MAKEP, MAKEPMA, NASCOWELD dan NASWELD.

Selain dari itu, Y. Bhg. Dato' juga memaklumkan bahawa pihak MAKPEM telah menerbitkan Buletin bagi tempoh enam bulan sekali dan beliau berharap agar setiap ahli pertubuhan gabungan dapat menghantar berita-berita terkini untuk dimuatkan di dalam buletin untuk keluaran yang akan datang.







## LAPORAN JAWATANKUASA KECIL-JAWATANKUASA KECIL

### SENARAI AHLI-AHLI JAWATANKUASA KECIL PENGURUSAN

**Pengerusi** : **YH. Dato' Setia Amar Segara Dato' Haji Halim bin Haji Ibrahim**
Pengerusi, MAKPEM
*( Majlis Kebajikan Masyarakat Negeri Pahang )*

**Setiausaha** : **Encik Zainal Abidin bin Salleh**
*( Majlis Kebajikan Masyarakat Negeri Pahang )*

**Ahli-Ahli** :

1. **Y. Bhg. Dato' Seri Mohamed Khalil bin Haji Hussein**
   Timbalan Pengerusi, MAKPEM
   *( Persatuan Pesara Kerajaan Malaysia )*

2. **Y. Bhg. Dato' Haji Mokhtar bin Haji Ngah**
   Naib Pengerusi, MAKPEM
   *( Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat Negeri Terengganu )*

3. **Y. Bhg. Dato' Ghazali bin Dato' Yusoff**
   Naib Pengerusi, MAKPEM
   *( Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat Negeri Selangor )*

4. **Puan Hajah Khatijah binti Sulieman**
   Naib Pengerusi, MAKPEM
   *( Majlis Kebangsaan Rumah-Rumah Amal Cheshire Malaysia )*

5. **Puan Joan Irene Yong**
   Naib Pengerusi, MAKPEM
   *( Majlis Kebajikan Sosial Sarawak )*

6. **Tuan Haji Zainal Abidin bin Md. Alias**
   Setiausaha Agung Kehormat, MAKPEM
   *( Majlis Pemulihan Malaysia )*

7. **The Ven. Canon Samuel D. John**
   Bendahari Agung Kehormat, MAKPEM
   *( Majlis Kebangsaan Bagi Orang Buta Malaysia )*

8. **Y. Bhg. Prof. Madya Dr. Mary Huang Soo Lee**
   *( Persekutuan Persatuan-Persatuan Perancangan Keluarga Malaysia )*

9. **Tuan Haji Mohamed bin Haji A. Jalal**
   *( Majlis Kebajikan Masyarakat Negeri Johor )*

10. **Encik Abdullah bin Mohd Nor**
    *( Majlis Kebajikan Masyarakat Negeri Perlis )*

11. **Tuan Haji Hitam bin Chik**
    Ketua Pegawai Eksekutif, MAKPEM

**Jawatankuasa Kecil ini bertanggungjawab dalam pelbagai aspek pengurusan, kewangan, pentadbiran dan kebajikan kakitangan. Dalam tahun ini sebanyak tujuh (7) kali mesyuarat telah diadakan. Perkara-perkara yang telah dibincangkan ialah :-**

1. **Tapak Tanah – Permohonan Pemberimilikan Tanah Kerajaan di Bandar Baru Sentul**

   Pihak Majlis telah menulis surat kepada Ketua Pengarah Tanah Persekutuan Putrajaya bagi mendapat kelulusan untuk memajukan baki tanah 3 ekar di Bandar Baru Sentul bagi tujuan mendirikan satu Kompleks Kebajikan Sukarela. Projek ini telah dicadangkan oleh MAKPEM di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

   Pihak arkitek sedang menyediakan satu pelan awal reka bentuk bangunan. Satu perbincangan akan diadakan di antara Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan MAKPEM dan Ketua Pengarah Tanah dalam masa terdekat.

2. **Pembangunan Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA)**

   Mesyuarat dimaklumkan bahawa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah meluluskan Perintah Pembangunan Taska MAKPEM melalui Tetuan Shaari Jamaluddin Arkitek telah diminta menyediakan pelan awal cadangan ini. Bagi membolehkan kerja-kerja penyediaan pelan terperinci dan kos bangunan yang berpatutan bagi projek ini, satu Jawatankuasa Khas telah dibentuk yang terdiri daripada :-

   i) Y. Bhg. Dato' Seri Mohamed Khalil bin Haji Hussein – Pengerusi
   Timbalan Pengerusi, MAKPEM

   ii) Tuan Haji Zainal Abidin bin Md. Alias
   Setiausaha Agung Kehormat, MAKPEM

   iii) The Ven. Canon Samuel D. John
   Bendahari Agung Kehormat, MAKPEM

   iv) Puan Hajah Khatijah binti Sulieman
   Naib Pengerusi, MAKPEM

   v) Puan Ir. Hajah Endok Sempo binti Mohd Tahir
   Wakil Pertubuhan Jemaah Islah Malaysia

   vi) Tuan Haji Hitam bin Chik
   Ketua Pegawai Eksekutif, MAKPEM

3. **Menghidupkan Semula Majlis Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah**

   Majlis Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah telah didaftarkan semula oleh Pendaftar Pertubuhan dan kini dalam proses untuk memohon semula menjadi ahli gabungan baru kepada Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat Kebangsaan Malaysia. Encik Abdullah bin Mohd Nor dari Majlis Kebajikan Masyarakat Negeri Perlis telah dilantik untuk membantu Negeri Kedah dalam urusan ini. Pihak Urusetia juga sedang berusaha dengan Pengarah Kebajikan Masyarakat yang baru iaitu Puan Hadisah binti Abdul Hamid bagi mempercepatkan kemasukan semula Majlis tersebut sebagai ahli baru.

4. **Kebenaran Menduduki Apartment**

   Mesyuarat bersetuju memberi kebenaran kepada Puan Rahimah binti Haji Mohd Shariff menduduki apartment, Institut Latihan MAKPEM secara percuma mulai 1hb. Mac, 2005. Persetujuan ini dibuat bagi memudahkan beliau melaksanakan tugasnya sebagai pemangku warden selain dari kerja hakikinya sebagai Pegawai Tadbir.

**5. Perlantikan Pegawai Eksekutif (Latihan)**

Mesyuarat bersetuju melantik Encik R. S. Vengadeson, Penyelaras Kursus ke jawatan Pegawai Eksekutif (Latihan), MAKPEM mulai 1hb. Julai, 2005.

**6. Program Komuniti Bersama ExxonMobil**

YH. Dato' Setia Amar Segara Dato' Haji Halim bin Haji Ibrahim bersama dengan Mr. Dave A. Woodman dari ExxonMobil telah melancarkan satu projek komuniti bersama ExxonMobil di Institut Latihan MAKPEM. Projek ini mengandungi pemberian empat unit computer, perpustakaan kanak-kanak dan mengemaskini laman web MAKPEM. Jumlah sumbangan tersebut dianggarkan sebanyak RM 20,000.00.







**7. Hari Anugerah Tokoh Sukarelawan**

Mesyuarat bersetuju pada dasarnya agar MAKPEM mengadakan anugerah kepada pertubuhan-pertubuhan dan sukarelawan-sukarelawan yang telah banyak berjasa dan berkorban bagi memajukan pertubuhan masing-masing. Cadangan ini telah dibincangkan dalam satu Mesyuarat Khas Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia dan pihak Jabatan ingin memasukkan cadangan tersebut sebagai satu daripada aktiviti Jabatan yang akan menganjurkan Minggu Kebajikan Negara tidak lama lagi.

## 8. Hubungan Kerjasama Dengan Universiti Tempatan

MAKPEM dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia (UiTM) ACCA Financial Reporting Research Centre telah menganjurkan satu Seminar Menuju Ke Arah Pelaporan Perakaunan Cemerlang Badan-Badan Kebajikan di Institut Latihan MAKPEM pada 13hb. Disember, 2005.

Seramai 86 orang peserta daripada pelbagai pertubuhan kebajikan sukarela telah menghadiri seminar tersebut bertujuan untuk meningkatkan kefahaman para peserta mengenai pentingnya pelaporan kewangan yang professional dalam pertubuhan masing-masing.









## 9. Anugerah Kualiti Perdana Menteri Tahun 2005 Sektor Sosioekonomi

Sebagai sebuah badan kebajikan sukarela peringkat kebangsaan MAKPEM telah berjaya dipilih ke peringkat akhir pertandingan Anugerah Kualiti Perdana Menteri Sektor Sosioekonomi Tahun 2005. Satu majlis penghargaan telah diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa di Putrajaya pada 2hb. Disember, 2005. Dalam majlis tersebut Ketua Setiausaha Negara, Y. Bhg. Tan Sri Samsuddin Osman telah menyampaikan 'plaque' penghargaan kapada YH. Dato' Setia Amar Segara Dato' Haji Halim bin Haji Ibrahim, Pengerusi MAKPEM.

Menurut MAMPU Jabatan Perdana Menteri – antara ciri kecemerlangan MAKPEM ialah :-

"Majlis ini aktif dengan program latihan kepada 'care givers' untuk meningkatkan kapasiti pertubuhan kebajikan sukarela yang telah mencapai ke tahap yang cemerlang. MAKPEM sebagai sebuah badan penyelaras dan induk kepada pertubuhan sukarela kebajikan sangat prihatin terhadap keperluan ahli-ahli gabungan terutama sekali mengenai dengan latihan, pekerja sosial, pentadbir, pengurus serta sukarelawan yang berkhidmat dengan pertubuhan sukarela. Sejak tahun 1999 MAKPEM telah mengendalikan sebanyak 142 kursus yang melibatkan 4,068 peserta."







**10. Simposium Peringkat Kebangsaan 2005**
**Tema : "Kebajikan dan Pembangunan Sosial di Malaysia : Isu dan Cabaran".**

Satu Simposium Kebangsaan bertemakan "Kebajikan dan Pembangunan Sosial di Malaysia : Isu dan Cabaran" telah diadakan di Hotel Singgahsana, Petaling Jaya, Selangor pada 12hb. Disember, 2005. Simposium ini dianjurkan oleh MAKPEM dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia dan Yayasan Kebajikan Negara.

Simposium ini telah dirasmikan oleh YB. Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Malaysia. Dalam ucapan perasmiannya YB. Menteri antara lain menyarankan agar pertubuhan-pertubuhan sukarela dapat memainkan peranan yang proaktif dengan mengadakan program yang bercorak perintis dalam komuniti di mana kelompok-kelompok yang berisiko tinggi dapat dikenalpasti dan seterusnya mengadakan program-program yang sesuai bagi menanganinya.

Sebanyak enam kertas kerja telah dibentangkan dalam Simposium tersebut iaitu :-

i) Masalah Sosial di Malaysia
oleh Y. Bhg. Prof. Madya Dr. Ismail Baba
Pensyarah, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia.

ii) Cabaran Dalam Kerja-Kerja Kebajikan
oleh Puan Lai Poh Guat
Pengarah Pemulihan, Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia.

iii) Perubahan Demografi dan Implikasinya di Dalam Kerja Sosial dan Pembangunan
oleh YAD Datin Paduka Prof. Jamilah Ariffin
Senior Research Fellow, Institute Sultan Iskandar, Universiti Teknologi Malaysia.

iv) Tanggungjawab Komuniti Dalam Menghadapi Cabaran Kerja Sosial dan Pembangunan di Malaysia
oleh Y. Bhg. Dr. Denison Jayasooria
Pengarah Eksekutif, Yayasan Strategik Sosial.

v) Pertubuhan-Pertubuhan Bukan Kerajaan di Malaysia : Cabaran dan Potensi
oleh Puan Khatijah binti Sulieman,
Naib Presiden, Majlis Kebangsaan Rumah-Rumah Amal Cheshire Malaysia.
dan Y. Bhg. Prof. Madya Dr. Mary Huang Soo Lee
Setiausaha Agung Kehormat, Persekutuan Persatuan-Persatuan Perancangan Keluarga Malaysia.

vi) Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat Kebangsaan Malaysia (MAKPEM) Sebagai Rakan Kongsi Dalam Kerja Sosial dan Pembangunan Bagi Menghadapi Cabaran Masa Kini
oleh YH. Dato' Setia Amar Segara Dato' Haji Halim bin Haji Ibrahim
Pengerusi, MAKPEM.

Resolusi Simposium adalah seperti berikut :-

1. Masalah sosial boleh ditakrifkan sebagai sesuatu masalah yang banyak diperkatakan oleh masyarakat dan mempunyai impak negatif kepada individu, keluarga, komuniti dan masyarakat. Cara mengatasinya memerlukan penglibatan semua anggota masyarakat.

2. Antara masalah-masalah sosial yang dihadapi oleh masyarakat masa kini ialah yang ada hubungkait dengan ahli keluarga seperti perceraian, keganasan rumah tangga, ibu tunggal, pengabaian warga tua, penderaan dan pengabaian kanak-kanak dan sebagainya. Terdapat juga masalah-masalah sosial yang melibatkan kelompok-kelompok tertentu seperti pesalah juvana orang kurang upaya, penyalahgunaan dadah, HIV-AIDS, pelacuran, ketagihan arak, kemiskinan dan sebagainya.

3. Perubahan demografi yang sangat pantas berlaku di Malaysia sejak 30 tahun yang lalu di mana ekonomi yang dahulunya bercorak pertanian telah bertukar kepada perindustrian yang melibatkan migrasi dalaman secara besar besaran, tanpa persediaan yang cukup ianya telah menimbulkan pelbagai masalah sosial seperti kekurangan tempat tinggal di bandar, perpecahan keluarga, pengabaian warga tua dan muncul juga masalah-masalah baru seperti bohsia dan bohjan.

4. Bagi menangani masalah-masalah sosial tersebut, sistem penyampaian perkhidmatan di negara ini perlu memberi liputan menyeluruh kepada semua kumpulan sasaran yang dikenalpasti.

5. Dalam hubungan ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dicadangkan untuk menubuhkan sebuah Jabatan khusus bagi menangani masalah orang kurang upaya.

6. Kerja sosial merupakan satu profesion yang memerlukan latihan khusus seperti juga profesion-profesion lain. Masalah yang dihadapi masa ini ialah kekurangan kakitangan yang terlatih baik di dalam agensi Kerajaan mahu pun pertubuhan sukarela untuk mengendalikan beban kerja secara profesional dan berkesan.

7. Simposium bersetuju agar diwujudkan satu standad 'professional competencies' bagi pekerja sosial yang bekerja dengan individu, keluarga, kelompok dan komuniti. 'Competencies' ini meliputi pengetahuan yang bercorak teori, kemahiran dan cara-cara intervensi yang betul.

8. Pada masa ini, MAKPEM sedang mengendalikan kursus-kursus jangka pendek yang sangat relevan kepada keperluan pertubuhan sukarela. Simposium mencadangkan agar latihan yang dijalankan oleh MAKPEM dinaikkan taraf sehingga ke peringkat sijil dalam bidang kerja sosial bagi meningkatkan 'competencies' di kalangan pertubuhan sukarela.

9. Anggota masyarakat perlu memainkan peranan secara proaktif bagi menangani masalah sosial di peringkat komuniti. Untuk menggalakkan masyarakat ke arah tersebut memerlukan intervensi kerja sosial secara profesional. Ianya perlu kemahiran bekerja dengan individu, kelompok dan komuniti. Model-model program Pemulihan Dalam Komuniti, kejiranan boleh dijadikan contoh.

10. Untuk memperkukuhkan tindakan secara proaktif Simposium mencadangkan agar satu Jawatankuasa Penyelaras Pembangunan Sosial ditubuhkan di peringkat akar umbi seperti Majlis Kebajikan Masyarakat Peringkat Kawasan Parlimen atau peringkat-peringkat yang lebih rendah mengikut kesesuaian.

11. Pertubuhan sukarela dalam masyarakat sivil perlu bertindak secara sinergi bagi mengembeling sumber-sumber dalam komuniti baik dari segi kewangan mahu pun kemahiran untuk mencapai objetifnya.

12. Sumbangan pertubuhan sukarela secara bersepadu sama ada dalam bidang advokasi, pencegahan, rawatan dan pemulihan kepada mereka yang kurang bernasib baik bukan sahaja dapat menjimatkan kos operasi tetapi juga memberi peluang untuk mencungkil bakat dan sukarelawan baru.

13. Dalam hubungan ini, pihak Kerajaan disarankan agar dapat menokok tambah gaji yang dibayar kepada pekerja sosial di dalam pertubuhan sukarela supaya ianya setimpal dengan tugas dan tanggungjawab mereka.

14. MAKPEM sebagai badan induk kepada pertubuhan–pertubuhan sukarela disyorkan supaya dapat menjadi sumber rujukan kepada orang ramai dan bertanggungjawab menyediakan perancangan strategik bagi pembangunan pertubuhan sukarela di negara ini.









## 11. Syarikat Iktibaru Sdn. Bhd.

Syarikat Iktibaru Sdn. Bhd. meneruskan tumpuan bagi penjualan barang-barang kraftangan keluaran institusi-institusi kebajikan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia seperti Taman Seri Puteri Batu Gajah, Ipoh, Perak, Taman Seri Puteri Rembau, Negeri Sembilan dan juga pertubuhan-pertubuhan sukarela iaitu Persatuan Pemulihan Orang Cacat Ipoh, Rumah Bethany Teluk Intan dan juga Bengkel Orang Cacat Kota Bharu, Kelantan.

Selain daripada pemasaran barang-barang kraftangan, Iktibaru bercadang untuk memperluaskan bidang pemasarannya meliputi bekalan makanan kepada MAKPEM dan juga mengendalikan sebuah Taman Asuhan Kanak-Kanak yang akan dibangunkan dalam kawasan Institut Latihan ini.

## SENARAI AHLI-AHLI JAWATANKUASA KECIL PERHUBUNGAN ANTARABANGSA

**Pengerusi** : **YH. Dato' Setia Amar Segara Dato' Haji Halim bin Haji Ibrahim**
Pengerusi, MAKPEM
*( Majlis Kebajikan Masyarakat Negeri Pahang )*

**Setiausaha** : **Tuan Haji Zainal Abidin bin Md. Alias**
Setiausaha Agung Kehormat, MAKPEM
*( Majlis Pemulihan Malaysia )*

**Ahli-Ahli** :

1. **Y. Bhg. Dato' Seri Mohamed Khalil bin Haji Hussein**
   Timbalan Pengerusi, MAKPEM
   *( Persatuan Pesara Kerajaan Malaysia )*

2. **Y. Bhg. Dato' Haji Mokhtar bin Haji Ngah**
   Naib Pengerusi, MAKPEM
   *( Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat Negeri Terengganu )*

3. **Y. Bhg. Dato' Ghazali bin Dato' Yusoff**
   Naib Pengerusi, MAKPEM
   *( Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat Negeri Selangor )*

4. **Puan Hajah Khatijah binti Sulieman**
   Naib Pengerusi, MAKPEM
   *( Majlis Kebangsaan Rumah-Rumah Amal Cheshire Malaysia )*

5. **The Ven. Canon Samuel D. John**
   Bendahari Agung Kehormat, MAKPEM
   *( Majlis Kebangsaan Bagi Orang Buta Malaysia )*

6. **Y. Bhg. Prof. Madya Dr. Mary Huang Soo Lee**
   *( Persekutuan Persatuan-Persatuan Perancangan Keluarga Malaysia )*

7. **Tuan Haji Mohamed bin Haji A. Jalal**
   *( Majlis Kebajikan Masyarakat Negeri Johor )*

8. **Encik Mohd Abdul Kader bin Mohd Ali**
   *( Majlis Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang )*

9. **Encik Zainal Abidin bin Salleh**
   *( Majlis Kebajikan Masyarakat Negeri Pahang )*

10. **Tuan Haji Hitam bin Chik**
    Ketua Pegawai Eksekutif, MAKPEM

Jawatankuasa ini telah mengadakan beberapa perbincangan bagi menyediakan deraf laporan 31st ICSW International Conference on Social Welfare 2004 yang telah diadakan di Kuala Lumpur pada 16hb. – 20hb. Ogos, 2004. Deraf laporan ini perlu dipersetujui oleh ICSW sebelum ia dicetak dan diedarkan kepada peserta persidangan.

## Lawatan Muhibbah ke National Council of Social Service Singapore

Satu rombongan seramai 28 orang dari MAKPEM yang diketuai oleh YH. Dato' Setia Amar Segara Dato' Haji Halim bin Haji Ibrahim, Pengerusinya telah mengadakan satu lawatan sambil belajar ke National Council of Social Service Singapore Pada 12hb. dan 13hb. April, 2005. Aturcara lawatan meliputi, lawatan ke Tanjung Pagar Family Service Centre, dimana pelbagai perkhidmatan disediakan di peringkat komuniti kepada ahli-ahli keluarga yang memerlukan seperti khidmat kaunseling, aktiviti remaja, perlindungan kanak-kanak, orang kurang upaya dan warga tua. Lawatan juga dibuat ke Pusat Kanak-Kanak Cacat Akal MINDS di Margaret Drive Singapore dan diikuti dengan perbincangan dengan Pengerusi dan ahli-ahli Jawatankuasa National Council of Social Service Singapore. Lawatan tersebut telah memberi banyak manfaat kepada ahli rombongan dan dapat mempelajari betapa luasnya khidmat yang telah diberikan oleh pertubuhan sukarela kepada masyarakat sekiranya mempunyai dana yang mencukupi.









## Perhubungan Dengan International Council on Social Welfare (ICSW)

MAKPEM ini terus bergabung dengan ICSW. Presidennya ialah Ms. Solveig Askjem dari Norway. Beliau dibantu oleh seorang Pengarah Eksekutif, Mr. Denys Correll dari Australia. Tujuan MAKPEM bergabung dengan ICSW di antara lain ialah untuk :-

i) mewakili Malaysia dalam bidang kebajikan masyarakat di peringkat antarabangsa.
ii) turut memainkan peranan dalam memperjuangkan isu kebajikan masyarakat di arena antarabangsa.
iii) berkongsi maklumat, ilmu pengetahuan serta pengalaman dalam bidang kerja-kerja sosial dalam pembangunan masyarakat dengan rakan seperjuangan di negara lain.
iv) mengeratkan perhubungan dengan lain-lain badan antarabangsa di bidang yang sama.

MAKPEM telah menyertai setiap Persidangan ICSW di peringkat Global dan Rantau Asia Pasifik.

## Ibu Pejabat ICSW

Pejabat ICSW Global terletak di NIZW International Centre, P.O. Box 19152, 501 DD Utrecht, The Netherlands.

## Regional Council on Social Welfare

ICSW pada masa ini dibahagikan kepada 10 rantau ( regions ) iaitu :-

i) Eropah
ii) Asia Timur
iii) Asia Tenggara dan Pasifik
iv) Asia Selatan dan Asia Tengah
v) Timur Tengah dan Afrika Utara
vi) Selatan Afrika
vii) Afrika Barat dan Timur
viii) Amerika Utara
ix) Amerika Tengah dan Caribbean. Dan
x) Amerika Latin.

Tempoh memegang jawatan bagi setiap rantau ialah dua (2) tahun. Namun bagi tempoh maksimum bagi seseorang memegang jawatan Presiden, Bendahari atau wakil ke Exco adalah empat (4) tahun.

## ICSW Rantau Asia Tenggara dan Pasifik

Mr. Michael Raper dari Australia telah dilantik sebagai Presiden bagi kawasan Rantau Asia Tenggara dan Pasifik mulai tahun 2004 selama dua tahun. Beliau menggantikan Y. Bhg. Prof. Datuk (Dr.) Abdullah Malim Baginda yang telah tamat tempohnya setelah berkhidmat selama empat tahun.

**Lawatan Sambil Belajar Anjuran Foundation for the Welfare and Education of the Asian People (FWEAP) Pada 25hb. September Hingga 2hb. Oktober, 2005 ke Negara Jepun**

Satu lawatan sambil belajar atas jemputan Foundation for the Welfare and Education of the Asian People (FWEAP) telah diadakan ke Negara Jepun pada 25hb. September hingga 2hb. Oktober, 2005. Empat buah Negara Asia telah menjadi tetamu FWEAP dalam lawatan ini iaitu Malaysia, Indonesia, Pakistan dan Filipina.

Anggota rombongan Malaysia terdiri daripada :-

i) Cik Nor Hayati Sulaiman,
Timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

ii) YH. Dato' Setia Amar Segara Dato' Haji Halim bin Haji Ibrahim,
Pengerusi, MAKPEM.

iii) Encik Rusmi bin Mahmood,
Timbalan Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri Kelantan.

iv) Puan Norhana binti Saadan,
Pengetua, Sekolah Tunas Bakti Teluk Air Tawar, Pulau Pinang.

v) Tuan Haji Hitam bin Chik,
Ketua Pegawai Eksekutif, MAKPEM

Program utama lawatan ini meliputi ceramah-ceramah mengenai Dasar Sistem Sosial dan Kebajikan Masyarakat Jepun, lawatan ke institusi kebajikan masyarakat dan tempat-tempat bersejarah yang mempunyai nilai budaya orang Jepun.









## SENARAI AHLI-AHLI JAWATANKUASA KECIL LATIHAN

**Pengerusi :** **YH. Dato' Setia Amar Segara Dato' Haji Halim bin Haji Ibrahim**
Pengerusi, MAKPEM
*( Majlis Kebajikan Masyarakat Negeri Pahang )*

**Setiausaha :** **Tuan Haji Hitam bin Chik**
Ketua Pegawai Eksekutif, MAKPEM

**Ahli-Ahli :**

1. **Y. Bhg. Dato' Ghazali bin Dato' Yusoff**
   Naib Pengerusi, MAKPEM
   *( Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat Negeri Selangor )*

2. **Puan Hajah Khatijah binti Sulieman**
   Naib Pengerusi, MAKPEM
   *( Majlis Kebangsaan Rumah-Rumah Amal Cheshire Malaysia )*

3. **Tuan Haji Zainal Abidin bin Md. Alias**
   Setiausaha Agung Kehormat, MAKPEM
   *( Majlis Pemulihan Malaysia )*

4. **Ketua Pengarah / Wakil**
   Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia

5. **Y. Bhg. Prof. Madya Dr. Mary Huang Soo Lee**
   *( Persekutuan Persatuan-Persatuan Perancangan Keluarga Malaysia )*

6. **Encik Zainal Abidin bin Salleh**
   *( Majlis Kebajikan Masyarakat Negeri Pahang )*

7. **Mejar (B) Mohamed bin Haji Awang**
   *( Persatuan Bekas Tentera Malaysia )*

8. **Encik T. Kamaraj**
   *( Majlis Kebangsaan Bagi Orang-Orang Terencat Akal Malaysia )*

9. **Encik Zakaria bin Othman**
   *( Persatuan Bekas Polis Malaysia )*

10. **Encik Ismail bin Muda**
    *( Persekutuan Orang Pekak Malaysia )*

11. **Puan Rokhaya binti Taib**
    *( Majlis Kebajikan Masyarakat Negeri Pahang )*

12. **Encik R. S. Vengadeson**
    Pegawai Eksekutif (Latihan), MAKPEM

**South East Asia and Pacific Region (ICSW)**
**Working Group Meeting, Manila Pada 19hb. – 21hb. Oktober, 2005**

Satu mesyuarat Jawatankuasa South East Asia and Pacific Region telah diadakan di Manila pada Meeting, Manila pada 19hb. – 21hb. Oktober, 2005. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Encik Michael Raper, President bagi rantau ini.

Turut hadir dalam mesyuarat tersebut ialah Solveig Askjem, Global President, Denys Correll, Executive Director, Associate Professor Vajiraya Buasri, Setiausaha Agung Majlis Kebajikan Negara Thailand, Puan Chalermsee Chantaratim, Thailand, Y. Bhg. Dato' Seri Mohamed Khalil bin Haji Hussein, Timbalan Pengerusi, MAKPEM, Suranto, Setiausaha Agung, Majlis Kebajikan Indonesia, Corazon M. Paraiso, Pengarah Eksekutif, Majlis Kebajikan dan Pembangunan Sosial, Filipina dan Priscilla R. Atuel, Pengarah Eksekutif, Kapatiran-Kaunlaran Foundation Inc. Filipina.

Antara lain Mesyuarat Jawatankuasa ini membuat keputusan berikut :-

i) Mesyuarat bersetuju usaha hendaklah dijalankan supaya Majlis di tiap-tiap negeri dalam ASEAN diakui oleh ASEAN sebagai sebuah badan NGOnya. Indonesia bersetuju memulakan usaha untuk mendapatkan maklumat bagaimana Majlis boleh diakui oleh ASEAN sebagai sebuah badan NGOnya.

ii) Mesyuarat bersetuju dijalankan usaha membolehkan Regional President untuk berjumpa wakil kerajaan dan bukan kerajaan dalam usaha memperkuatkan Majlis.

iii) Majlis juga bersetuju untuk menggalakkan Majlis menjemput ahli-ahli daripada negeri-negeri lain dalam Bahagian untuk menghadiri mesyuarat yang bersesuaian untuk menambahkan pengetahuan dan mengeratkan hubungan







